

NILAI-NILAI PENTING INDIVIDU MUSLIM MENURUT AL-GHAZALI

Mohd Hasrul Shuhari
Pelajar Phd,
Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
Tel: 019-4323532
Faks: 603-7967 6142
zamiluna85@yahoo.com

Mohd Fauzi Hamat
Prof Madya Dan Pensyarah
Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
Tel: 037967 6014
Faks: 603-7967 6142
mhamat@um.edu.my

Abstrak

Nilai-nilai akhlak adalah penting untuk diterjemahkan dalam kehidupan seharian khususnya oleh individu Muslim. Antara kebajikannya ialah dapat mengelakkan diri seseorang itu dari perbuatan seperti menipu, khianat, menyeleweng, rasuah, politik wang dan seumpamanya. Nilai-nilai yang penting untuk individu Muslim tersebut akan dihuraikan berdasarkan pemikiran Abu Hamid al-Ghazali (m. 505H) menerusi beberapa kitabnya yang terpilih, terutamanya kitab Ihya' `Ulum al-Din. Makalah ini akan menyimpulkan bahawa antara nilai-nilai penting individu Muslim menurut al-Ghazali boleh dilihat pada huraian terhadap istilah al-ikhlas, al-sidq, al-amanah serta al-mas'uliyah dan al-kamal.

Katakunci: *Nilai-nilai, al-ikhlas (keikhlasan), al-sidq (benar), al-amanah (amanah), al-mas'uliyah (bertanggungjawab) dan al-kamal (kesempurnaan).*

PENDAHULUAN

Nilai-nilai penting bagi individu Muslim merujuk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap individu Muslim. Di dalam Islam, ia lebih dikenali dengan istilah sahsiah atau akhlak. Sahsiah adalah berasal dari kata Arab iaitu *shakhsiyyah* yang bermaksud “sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan yang lain” (*Al-Mu`jam al-Wasit* 2005 : 475). Istilah sahsiah juga merujuk kepada akhlak. Perkataan akhlak juga berasal dari bahasa Arab iaitu *khuluq*. *Khuluq* bermaksud “keadaan jiwa yang kukuh, keluar daripadanya perbuatan-perbuatan sama ada baik atau buruk tanpa [seseorang itu perlu] memikirkannya [terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara]”. Ia juga merujuk kepada *al-khilqah* iaitu *fitrah* (sifat semulajadi), tabiat, agama atau ringkasnya ialah gambaran batin seseorang (*Ibid.* : 252; Mohd Nasir Omar 1986 : 22-23; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011 : 54-55).

Menurut al-Ghazali, akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, kemudian terbentuk perbuatan dengan mudah dengan tidak berkehendakkan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Akhlak dikaitkan dengan bentuk kejadian (*al-khalq*) dan akhlak (*al-khulq*) yang mana *al-khalq* merupakan gambaran atau kecantikan zahir manusia (*surah al-zahir* atau *husn al-zahir*), manakala *al-khulq* merupakan gambaran atau kecantikan batin (*surah al-batin* atau *husn al-batin*) manusia. Kecantikan zahir bagi manusia perlu dilihat secara menyeluruh, contohnya muka manusia tidak sempurna melainkan mempunyai mata, pipi, hidung dan sebagainya. Begitulah akhlak manusia yang berupa kecantikan batin yang perlu sempurna secara menyeluruh (Al-Ghazali 1999 : 72-75; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011 : 55).

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak. Mereka memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap diri mereka dan diri-diri orang lain dalam masyarakatnya. Mereka terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam diri mereka menuju kesempurnaan sebagai insan adabi. Al-Quran menegaskan bahawa contoh ideal bagi orang yang beradab ialah nabi Muhammad S.A.W yang mana kebanyakan sarjana muslim menyebut bahawa baginda S.A.W merupakan Manusia Sempurna atau Manusia Universal (*al-insan al-kull*) (Wan Mohd Nor Wan Daud 2005 : 117; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011 : 56-57). Firman Allah S.W.T:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

Menurut sarjana-sarjana terdahulu, isi kandungan istilah *ta'dib* seperti yang diuraikan oleh al-Attas adalah akhlak. Konsep kepada istilah ini telah wujud ketika baginda S.A.W dididik oleh Allah S.W.T. Hasilnya, pendidikan Rasulullah S.A.W merupakan pendidikan yang terbaik yang berlandaskan kepada al-Quran yang telah mengesahkan kedudukan Rasulullah S.A.W yang sangat mulia (*akram*) dan teladan yang paling baik. Tambahan lagi, hal ini telah disahkan oleh hadis nabi S.A.W yang menyatakan bahawa matlamat risalah Islam ialah menyempurnakan akhlak (Wan Mohd Nor Wan Daud 2005 : 119; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011 : 57). Sabda nabi S.A.W dalam hadis *sahih*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

“Daripada Abu Hurayrah r.a.: Sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah bersabda: Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.” (Al-Hakim 1997, Kitab Tawarikh al-Mutaqaddimin min al-Anbiya' wa al-Mursalin, Bab wa min Kitab Ayat Rasul Allah Salla Allah 'Alayh wa Sallam Allati Dala'il al-Nubuwwah, no. hadith 4280, : 720)

Jika akhlak itu selaras dengan al-Quran dan hadis maka ia dianggap akhlak yang baik. Jika sebaliknya maka ia menjadi akhlak yang buruk. Akhlak membawa pengertian yang menyeluruh, mencakupi perbuatan lahiriah yang dihasilkan daripada dorongan batiniah dalam jiwa manusia. Akhlak bukan sahaja dianggap sebagai budi perkerti yang mulia, bahkan ia amat dituntut agar dilaksanakan dalam kehidupan umat Islam. Apabila akhlak sudah hilang dalam diri manusia, maka akan wujud keruntuhan sesuatu masyarakat dengan kemusnahan susunan hidup secara fitrah, daripada baik kepada buruk dan berlaku akhlak yang mengaibkan (Ab. Aziz Mohd. Zain et al 2006 : 249; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011 : 55). Jadi, amat penting bagi seseorang individu Muslim untuk memiliki nilai-nilai atau ciri-ciri akhlak mulia di dalam dirinya. Subtopik seterusnya akan dijelaskan nilai-nilai penting yang perlu dimiliki oleh seseorang individu Muslim menurut al-Ghazali.

NILAI-NILAI PENTING INDIVIDU MUSLIM

Antara nilai-nilai penting individu Muslim menurut pemikiran al-Ghazali ialah *al-ikhlas* (keikhlasan), *al-sidq* (benar), *al-amanah* (amanah) serta *al-mas'uliyah* (bertanggungjawab) dan *al-kamal* (kesempurnaan). Nilai-nilai ini akan dikaji berdasarkan karya-karyanya seperti *Ihya' `Ulum al-Din* dan lain-lain. Beberapa pandangan para ulama yang lain juga akan dipetik untuk menjelaskan lagi huraian. Penjelasannya adalah seperti berikut:

NILAI AL-IKHLAS (KEIKHLASAN)

Menurut al-Jurjani, pada sudut bahasa, ikhlas bermaksud meninggalkan riyak apabila melakukan ketaatan. Pada sudut istilah, ia bermaksud membersihkan hati daripada tercampur dengan sesuatu yang memudarkan kebersihannya dan dapat mengetahui sesuatu yang mencampurinya, dan dengan itu ia dapat dielakkan. Menurut al-Qushayri, *al-ikhlas* bermaksud berniat semata-mata kerana Tuhan yang memiliki nama *al-Haqq* di dalam ketaatan. Manusia mentaati Allah S.W.T adalah semata-mata ingin mendekati diri kepada-Nya tanpa sebab yang lain seperti pujian dan lain-lain. Hakikat keikhlasan ialah terpelihara dari belenggu riyak dan hawa nafsu (Al-Jurjani 1985 : 12; Al-Qushayri 1989 : 360; Su`ad al-Hakim 1981 : 688; Rafiq al-`Ajam 1999 : 26). Pada permulaan perbincangan berkenaan tajuk *al-Ikhlas* dalam *Ihya' `Ulum al-Din*, al-Ghazali menjelaskan tentang kelebihan dan kepentingan keikhlasan dengan membawakan firman Allah S.W.T (Al-Ghazali t.t. : 376). Firman Allah S.W.T:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿١٤٦﴾

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”

Surah al-Bayyinah, (98): 5

Firman Allah S.W.T:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَأَخْلَصُوا دِينَهُمْ
لِلَّهِ ... ﴿١٤٦﴾

“Kecuali orang-orang yang bertaubat (dari perbuatan munafik itu) dan memperbaiki amalan mereka (yang salah), dan mereka pula berpegang teguh kepada (agama) Allah, serta mengerjakan agama mereka dengan ikhlas kerana Allah.

Surah al-Nisa', (4): 146

Menurut al-Ghazali, berhubung dengan definisi *al-ikhlas*, sesuatu yang bercampur apabila bersih dari campuran tersebut maka ia dikenali sebagai *khalis*. Perbuatan untuk membersihkan atau mengasingkan di antara kedua-duanya dikenali sebagai *ikhlas*. Firman Allah S.W.T (*Ibid.* : 379):

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً نُسَقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ
وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ ﴿٦٦﴾

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah, (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.”

Surah al-Nahl, (16): 66

Berdasarkan ayat ini, al-Ghazali menjelaskan bahawa susu yang *khalis* (bersih) ialah susu yang tidak bercampur dengan darah, *farth* (najis di dalam perut binatang) dan bahan-bahan yang lain. Lawan bagi kalimah *ikhlas* ialah *ishrak* (penyekutuan) maka pada sudut bahasanya bahawa sekiranya individu itu tidak *mukhlis* (orang yang ikhlas) maka ia dikenali sebagai *mushrik* (seseorang yang menyekutukan). Namun begitu, syirik ada peringkat-peringkatnya yang tersendiri antaranya syirik di dalam akidah yang terdiri daripada syirik *khafiyy* (kecil/tersembunyi) dan *jaliyy* (besar/jelas). Ikhlas di dalam akidah dikenali sebagai *tawhid* manakala lawannya ialah *tashrik* apabila berhubung dengan hal ehwal ketuhanan. Lawan bagi ikhlas ialah sesuatu yang bergilir-gilir berada di hati manusia di mana ia berkaitan dengan niat (*Ibid*). Apabila niatnya sudah bercampur-campur dengan sesuatu yang lain, maka ia tidak dianggap ikhlas lagi dan dianggap riyak yang merupakan *shirk khafiyy* (Al-Ghazali 2008 : 393).

Al-Ghazali berpandangan bahawa ikhlas yang sebenar-benarnya ialah individu tersebut tidak menjadi hamba kepada diri dan nafsunya sebaliknya mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Ia istiqamah mematuhi segala perintah yang diputuskan oleh Allah S.W.T dalam beribadat kepada-Nya. Ini menunjukkan bahawa ia telah memisahkan dirinya dari segala yang selain daripada Allah S.W.T (Al-Ghazali t.t. : 376). Kesimpulannya, *al-ikhlas* bagi al-Ghazali ialah niat dalam segala tingkah lakunya adalah bersih daripada selain Allah S.W.T di mana perbuatan yang dilakukannya adalah semata-mata kerana Allah S.W.T. Apabila niat yang sepatutnya kerana Allah S.W.T bercampur kerana selain-Nya maka ia tidak dianggap ikhlas.

NILAI AL-SIDQ (BENAR)

Al-Sidq pada asalnya merujuk kepada kekuatan tentang sesuatu perkara seperti perkataan dan sebagainya. Kekuatan yang dimaksudkan di sini ialah kekuatan kebolehpercayaan dan kebenaran yang ada pada sesuatu. Lawan bagi perkataan *al-sidq* ialah *al-kidhb* sepertimana yang diungkapkan oleh, Saidina Abu Bakr al-Siddiq iaitu intipati bagi *sidq* ialah *amanah*, manakala intipati bagi *kidhb* ialah *khiyanah* (Su`ad al-Hakim 1981 : 684 dan 688; Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron 2011 : 47). *Al-Sidq* juga mempunyai kaitan dengan keikhlasan sebagaimana dijelaskan oleh al-Jurjani bahawa *al-*

sidq merupakan asal dan permulaan, manakala *al-ikhlas* adalah cabang kepada *al-sidq* tersebut (Al-Jurjani 1985 : 12-13). Menurut al-Kashani, seseorang yang memiliki *al-sidq* yang sempurna ialah mereka yang sempurna *tasdiq* (pembenaran) terhadap setiap perkara yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W sama ada ilmu, perkataan dan perbuatan sehingga disebabkan keterikatan mereka dengan Rasulullah S.A.W tersebut membuatkan mereka termasuk dalam golongan seperti firman Allah S.W.T (Al-Kashani 2007 : 134):

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ
 النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ
 رَفِيقًا

“Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).”

Surah al-Nisa', (4): 69

Abdullah ibn `Umar pernah menyuruh dua orang sahabatnya memberi perhatian kepada ungkapan yang membicarakan tentang sifat benar ini:


اعلم أن من آية الإيمان أن تؤثر الصدق حيث يضرك على الكذب حيث ينفك

“Ketahuilah bahawa antara tanda-tanda keimanan ialah kamu mengutamakan sifat benar yang memberi mudarat kepadamu berbanding dengan sifat dusta yang boleh memberi manfaat kepadamu”
 (Al-Suyuti 2003 : 627; Ibn Abi al-Dunya t.t. : 52)

Ungkapan ini menunjukkan penghayatan akidah ketuhanan yang benar akan menghasilkan tanda-tanda keimanan iaitu sifat benar dan menghindari sifat sebaliknya. Hal ini kerana, sifat benar sangat berkait rapat dengan keikhlasan yang merupakan sifat yang terkandung di dalam sifat ihsan. Sifat ihsan merupakan kesan penghayatan seseorang yang dapat membayangkan seolah-olah dia sedang melihat Allah S.W.T. Jika dia tidak berupaya membayangkan sedemikian, memadai baginya mengetahui bahawa Allah S.W.T sedang melihatnya. Sifat benar ini juga sangat berhubung rapat dengan keyakinan yang mana ia akan melibatkan persoalan akidah. Jadi, penghayatan akidah

ketuhanan yang benar sudah pasti akan mendorong seseorang untuk bersifat benar di dalam kehidupannya.

Al-Ghazali menjelaskan tentang *al-sidq* dengan membawa nas-nas, antaranya ialah (Al-Ghazali t.t. : 386):


 ... مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ ۖ

“Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah.”

Surah al-Ahzab, (33): 23

Sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis *sahih*:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ
 وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا وَإِيَّاكُمْ
 وَالْكَذِبَ فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى
 الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

“Daripada `Abdullah, telah berkata: Sabda Rasulullah S.A.W: Kalian wajib berlaku benar, maka sesungguhnya benar itu membawa kepada kebaikan dan sesungguhnya kebaikan itu membawa kepada syurga. Dan seseorang yang sentiasa bersifat benar dan mencari kebenaran akan tercatat di sisi Allah S.W.T bahawa dia seorang yang benar. Dan berhati-hatilah dengan pendustaan, maka sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan dan kejahatan itu membawa ke neraka. Dan seseorang yang sentiasa berdusta dan mencari perkara dusta akan tercatat di sisi Allah S.W.T bahawa dia seorang pendusta.” (Muslim 2000, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Qubh al-Kadhibi wa Husn al-Sidq wa Fadlihi, no. hadith: 6639, : 1133)

Menurut Ibn Hajar al-`Asqalani, perkataan *al-birr* merujuk kepada keseluruhan kebaikan secara umum. Ia dikaitkan dengan amalan kebaikan secara konsisten. Menurut Ibn Battal, apabila mereka bersifat benar secara konsisten, maka mereka digelar oleh Allah S.W.T sebagai *al-siddiq*. Menurut al-Qushayri, *al-sadiq* merujuk kepada seseorang yang benar pada perkataannya, manakala *al-siddiq* merujuk kepada seseorang yang benar pada keseluruhan perkataan, perbuatan dan keadaannya. Menurut al-Nawawi, hadis ini menggalakkan manusia mengambil perhatian terhadap sifat *al-sidq* dan berhati-hati dengan *al-kidhb* (Ibn Hajar al-`Asqalani 2001 : 524; Al-Qushayri 1989 : 366; Su`ad al-Hakim 1981 : 684). Menurut al-Ghazali, lafaz *al-sidq* merujuk kepada enam makna, di mana sesiapa yang berjaya memiliki kesemuanya maka ia layak digelar *al-siddiq* yakni *al-sidq* yang ada maksud *mubalaghah* (berlebihan) (Al-Ghazali t.t. : 387-389).

Makna pertama ialah *al-sidq fi al-qawl* (pada perkataan) yang merujuk kepada berita-berita yang disebut sama ada berkaitan dengan pada masa lalu atau masa akan datang dan juga termasuk menepati janji atau menyalahinya. Seseorang yang mengakui bahawa dirinya adalah hamba Allah S.W.T tetapi ia menuruti nafsunya maka ia adalah dusta. Makna kedua ialah *al-sidq fi al-niyyah wa al-iradah* (pada niat dan kehendak) yang merujuk kepada keikhlasan di mana setiap gerak dan diamnya adalah didorong oleh Allah S.W.T. Jika ia dipengaruhi oleh kepentingan dirinya yang bukan kerana Allah S.W.T maka ia adalah dusta. Meskipun perkataannya benar tetapi ia tetap dianggap dusta kerana hatinya ada niat yang salah seperti orang munafik (*Ibid*).

Makna ketiga ialah *al-sidq fi al-`azm* (pada keazaman) yakni keazamannya dalam melakukan sesuatu kebaikan adalah sangat kuat tanpa ada kecenderungan lain, keraguan dan kelemahan dalam melakukannya. Ia merupakan keazaman yang kukuh yang telah ditetapkan sebelum amalan dilakukan. Meskipun ia mungkin terbunuh dalam peperangan, ia tetap teguh dengan azamnya. Makna keempat ialah *al-sidq fi al-wafa' bi al-`azm* (pada menepati janji dengan keazaman), di mana Allah S.W.T menjadikan keazaman seseorang itu sebagai janji. Jika ia menepati keazaman tersebut maka ia adalah benar dan jika sebaliknya maka ia adalah dusta. *Al-Sidq* pada bahagian ini adalah lebih berat berbanding bahagian ketiga. Ini kerana, kadang-kadang seseorang itu bermudah-mudah dengan keazaman yang ia telah tetapkan sehingga dirinya dikuasai nafsunya, yang menyebabkan keazaman tersebut menjadi lemah (*Ibid* : 389-390).

Makna kelima ialah *al-sidq fi al-`amal* (pada amalan) yakni merujuk kepada seseorang yang berusaha secara bersungguh-sungguh agar perbuatan zahirnya tidak menunjukkan apa yang ada pada batinnya yang ia tidak bersifat sedemikian. Sebaliknya amalan zahir menepati apa yang ada pada batinnya. Contohnya, seseorang itu bersolat secara khusyuk dan ia tidak melakukannya untuk dilihat oleh orang lain. Meskipun ia benar kerana tidak riyak tetapi ia masih lagi bukan *al-sidq* pada amalan kerana sebenarnya hatinya tidak khusyuk seperti yang kelihatan pada zahirnya. Makna keenam ialah *al-sidq fi tahqiq maqamat al-din* (pada merealisasikan makam-makam keagamaan) di mana ia merupakan tingkat yang tertinggi dan paling mulia seperti *al-sidq* pada *al-khawf* (takut), *al-raja'* (harap), *al-ta`zim* (mengagungkan), *al-zuhd* (zuhud), *al-rida* (reda), *al-tawakkal* (tawakal),

al-hubb (cinta) dan lain-lain. Seseorang itu perlu memiliki sifat-sifat ini dan benar-benar menjiwainya meskipun tidak memenuhi kesemua sifat-sifat tersebut. Seseorang yang takut kepada Allah S.W.T belum tentu ia benar-benar takut kepada-Nya jika dibandingkan takutnya apabila ia berhadapan dengan raja atau perompak yang zalim (*Ibid.* : 390-392).

Kesimpulannya ialah *al-sidq* merujuk kepada enam makna yang merangkumi perkataan, niat dan kehendak, keazaman dan menepati keazamannya, keseimbangan atau keutamaan antara batin dan amalan zahir, dan makam-makam keagamaannya. Ia menitikberatkan pemisahan dalaman dan luaran dari kongkongan hawa nafsu, sangat komited apabila melakukan perintah Allah S.W.T, amalan zahir dan batin saling menepati yang selari dengan kehendak Allah S.W.T, dan berusaha menghiasi diri dengan sifat-sifat yang terpuji menepati maknanya yang sebenar meskipun tidak semua sifat dapat dicapai untuk berada pada maqam tertinggi dan sempurna.

NILAI AL-AMANAH DAN AL-MAS'ULIYYAH (AMANAH DAN BERTANGGUNGJAWAB)

Al-Amanah dan *al-mas'uliyah* saling berkaitan kerana sesuatu amanah yang diberikan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Jika seseorang itu gagal melaksanakan amanahnya maka ia akan dipertanggungjawabkan dengan diberi balasan yang setimpal. Dari sudut bahasa, *amanah* yang mana lawannya adalah *khiyanah* bermaksud ketenangan hati. Menurut al-Ghazali, perkataan *amanah* diambil dari kata *al-amn* kerana merujuk kepada seseorang yang merasa aman dari perlakuan pelanggaran orang lain terhadap hak-haknya. Manakala *khiyanah* yang diambil dari kata *al-khawn* (kekurangan), merujuk kepada seseorang yang mengkhianati orang lain, di mana ia telah mengurangkan hak-hak orang tersebut. Menurut al-Ghazali, Ibn `Abbas juga berpendapat bahawa amanah merujuk kepada ketaatan dan ibadah. Bahkan ia boleh dikaitkan secara langsung dengan ketauhidan berdasarkan pandangan al-Qushayri dan al-Ghazali (Al-Ghazali 1990: 39 dan 56; Su`ad al-Hakim 1981 : 131 dan 133).

Firman Allah S.W.T berkenaan amanah yang pernah diberikan kepada langit dan bumi tetapi mereka tidak dapat memikulnya sebaliknya ia dipikul oleh manusia:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ
 أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا
 جَهُولًا

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan

(pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Surah al-Ahzab, (33): 72

Ayat ini menjelaskan tentang penolakan langit, bumi dan gunung-ganang terhadap *al-amanah* yang diberikan oleh Allah S.W.T. Mereka bimbang dengan ketidakupayaan mereka untuk memikul *al-amanah* tersebut atau kebimbangan berlaku khianat sehingga menyebabkan mereka mendapat seksa kelak. *Al-Amanah* dalam ayat ini merujuk kepada ketaatan dan kefarduan yang perlu dilaksanakan di mana ia turut memberi implikasi pahala dan dosa. Al-Ghazali memetik pandangan al-Qurtubi yang merupakan pandangan jumur ulama iaitu *al-amanah* merangkumi semua *wazaif al-din* (kewajipan keagamaan). Al-Ghazali juga mengaitkan *al-amanah* dengan keimanan yakni tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tiada *al-amanah*. Ini kerana, *al-amanah* juga diambil dari kata *al-‘iman* maka sesiapa yang menjaga amanah Allah S.W.T maka Allah S.W.T akan menjaga keimanannya (Su`ad al-Hakim 1981 : 131 dan 133; Al-Ghazali 1990 : 39 dan 56). Perbezaan di antara manusia, langit, bumi dan gunung-ganang ialah sanggup memikul *al-amanah* iaitu *al-ma`rifah* dan *al-tawhid* (Al-Ghazali t.t. : 14).

Mas’uliyah merujuk kepada kebertanggungjawaban, manakala dalam Bahasa Inggeris, ialah *accountability*. Dalam aspek akhlak, seseorang akan dipertanggungjawabkan bagi setiap perkataan dan perbuatannya. Manakala dalam aspek perundangan, tanggungjawab yang digalas ialah memperbaiki kesalahan orang lain berdasarkan perundangan yang telah ditetapkan (Munir Ba`albaki 1991 : 23; *Kamus Inggeris Melayu Dewan* 2002 : 12; *Al-Mu`jam al-Wasit* 2005 : 426). Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ
وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَلِتَسْئَلَنَّ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

“Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu), tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang-Nya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang-Nya), dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah kerjakan.”

Surah al-Nahl, (16): 93

Menurut Ibn Kathir, manusia akan ditanya tentang keseluruhan amalan yang telah mereka lakukan (Ibn Kathir 2000 : 351). Menurut al-Tabari, setiap apa yang Allah S.W.T tetapkan perintah dan larangan-Nya ke atas manusia, akan ditanya sama ada mereka melakukannya atau sebaliknya. Mereka akan diberi ganjaran berdasarkan ketaatan dan

kemaksiatan yang telah mereka lakukan (Al-Tabari 2001 : 348). Bahkan pada Hari Kiamat kelak, anggota badan mereka akan menjawab sendiri segala pertanyaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

“Pada waktu itu Kami tutup mulut mereka dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (tentang kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

Surah Yasin, (36): 65

Menurut Fakhr al-Din al-Razi, ketika di dunia orang kafir telah ditutup hati mereka sedangkan mulut mereka berbicara, sedangkan ketika di akhirat pula, giliran mulut mereka ditutup, maka yang berbicara mewakili mereka ialah anggota-anggota badan mereka yang lain. Manusia memiliki hati, lidah dan anggota badan, maka jika hati dan lidah tidak lagi boleh berbicara, maka anggota badan yang akan mengambil alih peranan tersebut untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan Allah S.W.T (Al-Razi 1981 : 102). Antara contoh-contoh golongan yang akan ditanya oleh Allah S.W.T berdasarkan tugas mereka masing-masing ketika mereka berada di dunia ialah sepertimana yang dinyatakan dalam hadis *sahih* Rasulullah S.A.W yang turut dirujuk oleh al-Ghazali di dalam kitabnya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُلُّكُمْ رَاعٍ
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَإِلِمَامٌ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ
وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْحَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

“Daripada `Abd Allah ibn `Umar r.ahuma, bahawasanya dia telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Setiap dari kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang dipimpinnya. Maka imam adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang rakyatnya. Dan lelaki (suami) di dalam keluarga adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang berada di bawah pimpinannya. Dan wanita (isteri) di rumah suaminya adalah pemimpin dan akan ditanya tentang apa yang dijaganya. Dan hamba yang menjaga harta tuannya adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang apa yang dijaganya.” (Al-Bukhari 2000, Kitab fi al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun wa al-Hajr wa al-Tafliis, Bab al-`Abd Ra`in fi Mali Sayyidihi wa la Ya`malu illa Biidhnihi, no hadith: 2409, : 188)

Al-Amanah yang dijaga dan dipelihara dengan baik merupakan sifat bagi para malaikat, para nabi dan rasul a.s serta orang yang bertakwa. *Al-Amanah* bagi pemimpin ialah melaksanakan dakwah agar dapat menginsafkan golongan yang zalim dan menjaga hak-hak orang Islam dan anak-anak yatim. Seseorang ulama memikul *al-amanah* dengan mengajar agama kepada masyarakat. Ibu bapa dipertanggungjawabkan menjaga *al-amanah* mereka dengan memberi didikan kepada anak-anak mereka (Al-Ghazali 1990 : 39-41). Bahkan, *al-amanah* bagi seorang imam yang mengetuai solat jemaah adalah seseorang yang suci batinnya daripada kefasikan, dosa besar dan tidak berkekalan dosa kecil. Ini kerana, imam tersebut bagaikan utusan yang membantu orang lain, maka sudah pasti ia perlu menjadi seseorang yang terbaik dalam kalangan masyarakat (Al-Ghazali t.t. : 175).

Seseorang yang memberi *al-amanah* kepada orang yang tidak berhak juga akan dipertanggungjawabkan, di mana al-Ghazali membawa kisah seorang lelaki badawi yang menegur seorang sultan. Ia memaklumkan kepada sultan tersebut bahawa terdapat sebilangan orang yang berada di sekeliling sultan tersebut yang bersifat lebih mementingkan dunia. Jadi, ia menasihati sultan tersebut agar berhati-hati memberi *al-amanah* kepada mereka untuk melakukan sesuatu kerana sultan akan bertanggungjawab kerana bermudah-mudah dalam memberi *al-amanah* tersebut (*Ibid.* : 148). Firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

Surah al-Nisa', (4): 58

Kesimpulannya ialah *al-amanah* dan *al-mas'uliyah* merujuk kepada sesuatu yang diberi kepada seseorang untuk dilaksanakan atau dijaga dengan baik dan ia akan dipertanggungjawabkan jika terdapat kesalahan atau khianat. Jika berlaku sedemikian, maka seseorang yang diberi *al-amanah* tersebut akan dipertanggungjawabkan dan akan berhadapan dengan hukuman setimpal dengan kesalahannya tersebut. Antara *al-amanah*

yang dimaksudkan adalah semua kewajiban yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada manusia dan mereka akan disiksa jika gagal melaksanakannya. Sesiapa yang berjaya, maka Allah S.W.T akan memberi ganjaran pahala apatah lagi *al-amanah* sangat berkaitan dengan *al-iman* di mana jika manusia menjaganya maka *al-iman* mereka akan dijaga.

NILAI AL-KAMAL (KESEMPURNAAN)

Perkataan *al-kamal* yang asalnya *al-kaf*, *al-mim* dan *al-lam*, merujuk kepada kesempurnaan sesuatu (*tamam al-shay'*) atau kesempurnaan (*al-tam*). Perkataan *al-kamil* pula merujuk kepada kesempurnaan sesuatu pada setiap bahagian dan sifat-sifatnya. Jika disandarkan kepada manusia, maka ia merujuk kepada seseorang yang memiliki himpunan perilaku yang mulia. Antonim bagi *al-kamil* ialah *al-naqis* (Su`ad al-Hakim 1981 : 981; Jamil Saliba 1982 : 221). Di dalam al-Quran, ada beberapa ayat yang menjelaskan perkataan yang dibincangkan ini, antaranya ialah firman Allah S.W.T:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Surah al-Maidah, (5): 3

Menurut Ibn Kathir, Allah S.W.T telah menyempurnakan agama umat Islam yang mana mereka tidak perlu kepada agama lain. Setelah sempurna agama mereka, maka telah sempurna jugalah segala nikmat Allah S.W.T kepada manusia yang mana nikmat yang paling besar adalah kesempurnaan agama Islam. Menurut Ibn `Abbas, Allah S.W.T juga telah menyempurnakan keimanan orang yang beriman (Ibn Kathir 2000 : 46-47). Secara lafaznya, al-Quran tidak menyandarkan perkataan *al-kamal* kepada manusia bagi menjelaskan kesempurnaan manusia, namun terdapat ayat yang berkaitan dengan kesempurnaan akhlak manusia iaitu kesempurnaan akhlak Rasulullah S.A.W (Su`ad al-Hakim 1981 : 981-982). Firman Allah S.W.T:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”

Surah al-Qalam, (68): 4

Al-Kamal juga merujuk kepada *tanzih* ke atas sifat-sifat Allah S.W.T. Kesempurnaan Allah S.W.T sangat berbeza dengan kesempurnaan makhluk-makhluk-Nya (Mamduh al-Zubi 2004 : 347-348). Menurut al-Sha`rawi, kesempurnaan yang sebenar adalah dimiliki

oleh Allah S.W.T. Ia dapat dilihat melalui nama-Nya iaitu *Allah* S.W.T (Al-Sha`rawi 2007 : 42-49). Menurut al-Ghazali, kalimah *Allah* S.W.T merupakan nama Allah S.W.T yang paling agung dan merangkumi kesemua sifat-sifat ketuhanan (Al-Ghazali 2008 : 61). Menurut al-Baydawi, semua nama-nama Allah S.W.T yang lain disandarkan kepada kalimah Allah S.W.T ini (Al-Baydawi 2009 : 144 dan 161). Berhubung dengan manusia, kesempurnaan yang dapat disandarkan kepada mereka ialah kesempurnaan akhlak mereka. Akhlak yang sempurna menandakan mereka memiliki keimanan yang sempurna pula sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis berstatus *hasan sahih*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

“Daripada Abu Hurayrah r.a. telah berkata: Nabi S.A.W bersabda: Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang mempunyai akhlak yang paling baik.” (Abu Dawud 2000, Kitab al-Sunnah, Bab al-Dalil `Ala Ziyadah al-Iman wa Nuqsanihi, no. hadith: 4682, : 1567; al-Tirmidhi 2000, Abwab al-Rada’, Bab Ma Ja’a fi Haqq al-Mar’ah `ala Zawjiha, no. hadith: 1162, : 1765 -1766)

Al-Ghazali menukilkan hadis ini antaranya apabila menghuraikan subtopik *fadilah husn al-khulq* (kelebihan akhlak yang baik) dan *alamat husn al-khulq* (tanda-tanda akhlak yang baik). Menurutnya, akhlak yang baik akan berjaya dicapai apabila seseorang itu menyempurnakan empat rukun aspek dalamannya (*fi al-batin arba` arkan*). Rukun pertama iaitu *quwwah al-`ilm* (kekuatan ilmu) merujuk kepada keupayaan seseorang menggunakan ilmu pengetahuannya untuk memastikan pertuturannya adalah benar (*al-sidq*), akidah yang benar (*al-haqq*) dan perbuatan yang baik (*al-jamil*). Setelah semuanya berjaya dipenuhi, seseorang itu akan mencapai kesan kebaikan dari *al-hikmah* (kebijaksanaan) di mana ia merupakan akhlak mulia yang utama (*ra’s al-akhlaq al-hasanah*). Rukun kedua iaitu *quwwah al-ghadab* (kekuatan kemarahan) dan rukun ketiga *quwwah al-shahwah* (kekuatan hawa nafsu) merujuk kepada keupayaan seseorang mengawal kemarahan dan hawa nafsunya berdasarkan kebijaksanaannya (*al-hikmah*) yakni ia mengawal kedua-duanya berlandaskan kehendak akal yang baik dan agamanya. Rukun keempat iaitu *quwwah al-`adl* (kekuatan keadilan) merujuk kepada keupayaan seseorang memastikan kemarahan dan hawa nafsunya dikawal oleh akal yang baik dan agamanya. Kekuatan ini berada pada setiap tiga rukun yang sebelumnya (Al-Ghazali 1999 : 49-50 dan 69).

Menurut al-Ghazali, perkara yang dituntut dalam akhlak dan sifat manusia secara keseluruhannya adalah kesederhanaan (*inna al-matlub huwa al-`adl wa al-qasd fi al-sifat wa al-akhlaq kulliha*). Akhlak terpuji yang mutlak adalah *al-`adl* kerana ia meletakkan sesuatu perkara pada tempat yang sepatutnya. Kekuatan *al-`adl* adalah berupaya meletakkan nafsu dan kemarahannya di bawah kawalan akal dan syarak. Kekuatan *al-`adl* ini akan membantu seseorang itu menyeimbangkan keinginan nafsu (*al-shahwah*) dan kemarahannya (*al-ghadab*). Apabila nafsu seseorang itu melampaui batas, maka ia akan

melakukan kefasikan dan kejahatan. Sebaliknya, apabila seseorang itu kekurangan nafsu, maka ia akan lemah dan lesu. Jadi, sebaik-baiknya adalah bersikap kesederhanaan (*tawassut* atau *al-i`tidal*) iaitu ia akan menjaga kehormatan diri dan berpada-pada. Begitu juga apabila kemarahan seseorang itu melampaui batas, maka ia mudah melakukan pembunuhan dan memukul orang lain. Sebaliknya, apabila seseorang itu kekurangan sifat tersebut, maka ia akan hilang keinginan dan kegemarannya kepada agama dan dunia. Jadi, sebaik-baiknya adalah kesederhanaan iaitu ia akan bersifat sabar, berani dan berhikmah (Al-Ghazali 2008 : 423; Al-Ghazali 1999 : 73 dan 499, 196).

Al-Ghazali menjelaskan bahawa setiap kewujudan terbahagi kepada dua iaitu *kamilah* (yang sempurna) dan *naqisah* (yang kurang). Kesempurnaan sudah pasti lebih mulia daripada kekurangan. Kesempurnaan tersebut ada peringkat-peringkatnya sehingga menuju kepada kesempurnaan mutlak yang hanya dimiliki oleh Allah S.W.T. Namun, kesempurnaan mutlak Allah S.W.T boleh didekati oleh hamba-hamba-Nya bukan melalui tempat tetapi melalui kedudukan darjat di sisi-Nya. Setiap kewujudan juga terbahagi kepada dua iaitu sesuatu yang hidup dan sesuatu yang mati, di mana sesuatu yang hidup adalah lebih mulia daripada sesuatu yang mati. Kesempurnaan bagi sesuatu yang hidup dapat dilihat pada darjat-darjat mereka yang terdiri daripada *al-mala`ikah*, *al-insan* dan *al-baha'im*. Ringkasnya, darjat *al-mala`ikah* yang merujuk kepada peringkat kemalaikatan yang tidak bergantung kepada nafsu dan keinginan dan fokusnya hanyalah untuk mencapai matlamat mahu menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Darjat *al-baha'im* merujuk kepada peringkat kehewanian yang hanya mementingkan nafsu dan keinginan. Darjat *al-insan* merujuk kepada peringkat yang pada awal kehidupan manusia, ia bergantung kepada keinginan nafsu kemudian dikurniakan akal di mana ia mampu membebaskannya dari belenggu hawa nafsu (Al-Ghazali 2008 : 45-47).

Kamal al-insan (kesempurnaan manusia) dapat dirujuk kepada dua iaitu *al-kamal al-haqiqiyy* dan *al-kamal al-wahmiyy* atau *al-zanniyy*. *Al-Kamal al-haqiqiyy* merujuk kepada kesempurnaan yang hakiki atau kesempurnaan yang sebenar yang perlu dimiliki oleh hamba-hamba Allah S.W.T. Manakala *al-kamal al-wahmiyy* atau *al-zanniyy* merupakan kesempurnaan yang bukan hakiki yang tiada asas baginya. Kesempurnaan bagi manusia terbahagi kepada tiga, pertama ialah kesempurnaan ilmu (*kamal al-`ilm*) yakni ilmunya berkaitan dengan Allah S.W.T, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya. Ilmu yang lain juga akan diambil kira jika ia membantu seseorang untuk mengenali Allah S.W.T. Kesempurnaan itu merupakan kebahagiaan baginya dan tanda kepatuhannya kepada Allah S.W.T yang memiliki *al-Jalal* (kebesaran) dan *al-Kamal* (kesempurnaan). Ilmu tentang Allah S.W.T, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya serta hikmah yang terkandung pada kejadian langit, bumi, ketertiban kehidupan dunia dan akhirat dan apa yang berkaitan dengannya merupakan kesempurnaan sebenar. Ini mendekatkan dirinya kepada Allah S.W.T dan kesempurnaan dirinya kekal hingga selepas kematian. Pengetahuan ini akan menjadi nur kepada mereka sebagaimana firman Allah S.W.T (Al-Ghazali t.t. : 9, 283, 284):

نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا ... ﴿٨﴾

“Cahaya (iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan), mereka berkata (ketika orang-orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): "Wahai Tuhan kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami.”

Surah al-Tahrim, (66): 8

Kesempurnaan kedua ialah kesempurnaan bebas (*kamal al-hurriyyah*) yakni seseorang hamba tidak mengabdikan diri kepada nafsunya dan keinginan duniawi. Ia bebas daripada menjadi tawanan nafsunya sendiri dan dunia yang mengikat yang mengawal dirinya dengan kuat. Ini sebagaimana sifat para malaikat yang tidak terikat dan bebas daripada nafsu. Kesempurnaan ketiga ialah tiada perubahan dan kepatuhan kepada hawa nafsu (*‘adam al-taghayyur wa al-inqiyad*) yakni pendiriannya teguh tidak berubah dengan mengikuti dorongan nafsu dan mematumhinya. Kesempurnaan ini juga merupakan sifat kesempurnaan bagi Allah S.W.T yakni mustahil bagi-Nya perubahan dan dipengaruhi (*istihalah al-taghayyur wa ta’aththur ‘alayhi*). Sesiapa yang memiliki kesempurnaan ini, maka darjatnya telah sangat menghampiri Allah S.W.T dan ia juga telah mencontohi sifat para malaikat yang tiada perubahan pada sifat asalnya (*Ibid.* : 284).

Di samping kesempurnaan hakiki, terdapat juga kesempurnaan yang sebaliknya iaitu kesempurnaan prasangka (*al-kamal al-wahmiyy atau al-kamal al-zanniyy*). Ia adalah kesempurnaan yang tidak hakiki di mana ia merujuk kepada *kamal al-qudrah bi al-jah wa al-mal* (kesempurnaan keupayaan mencari pangkat dan harta). Kesempurnaan ini tidak selamat dan tiada asas baginya. Jika ditakdirkan selamat, maka ia tetap tidak kekal kerana ia akan hilang dalam masa yang singkat. Sesiapa yang menyibukkan dirinya dengan kesempurnaan tidak hakiki ini maka seolah-olah ia membeli akhirat dengan dunianya di mana dunianya tidak sedikit pun dapat membantu untuk mengurangkan azab seksa (*Ibid.* : 284-285). Firman Allah S.W.T:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ ۗ فَلَا تُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨١﴾

“Mereka itulah orang-orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah-perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat. Maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat), dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan.”

Surah al-Baqarah, (2): 86

Ini berbeza dengan ketiga-tiga *kamal al-haqiqiyy* di mana kesempurnaan tersebut adalah kebaikan yang kekal (*al-baqiyat al-salihat*) hingga selepas kematian dan ia menjadi kesempurnaan diri manusia. Namun, jika *kamal al-qudrah bi al-jah wa al-mal* itu membawa kepada *kamal al-haqiqiyy* maka ia juga akan menjadi kesempurnaan yang abadi bagi manusia (*Ibid*). Firman Allah S.W.T:

أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ
عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

“Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia, dan amalan-amalan soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

Surah al-Kahf, (18): 46

Kesimpulannya, kesempurnaan akhlak yang mulia seseorang itu bergantung kepada empat rukun iaitu *quwwah al-`ilm*, *quwwah al-ghadab*, *quwwah al-shahwah* dan *quwwah al-`adl*. Kesempurnaan manusia dapat dicapai apabila manusia berjaya berada pada darjat *al-mala`ikah* dan menjauhi darjat *al-baha`im*. *Al-Kamal* tersebut merupakan kesempurnaan sebenar di sisi Allah S.W.T yang faedahnya kekal abadi hingga hari akhirat. Mereka memiliki ilmu mengenai Dhat, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya, berjaya memerdekakan dirinya daripada dibelenggu hawa nafsu dan keinginan duniawi, dan berpendirian teguh tidak berubah untuk dipengaruhi agar mengikuti dorongan dan mematuhi kehendak nafsunya. Sebaliknya, kesempurnaan yang tidak hakiki hanya mementingkan dunia seperti harta dan kedudukan yang sementara semata-mata.

KESIMPULAN

Nilai-nilai penting individu Muslim berdasarkan perspektif pemikiran al-Ghazali ialah *al-ikhlas* (keikhlasan), *al-sidq* (benar), *al-amanah* (amanah) dan juga *al-mas`uliyah* (bertanggungjawab) dan *al-kamal* (kesempurnaan). Nilai *al-ikhlas* ialah niat dalam segala tingkah lakunya adalah bersih daripada selain Allah S.W.T di mana perbuatan yang dilakukannya adalah semata-mata kerana Allah S.W.T. Nilai *al-sidq* merujuk kepada pemisahan dalaman dan luaran dari kongkongan hawa nafsu, sangat komited apabila melakukan perintah Allah S.W.T, amalan zahir dan batin saling menepati yang selari dengan kehendak Allah S.W.T, dan berusaha menghiasi diri dengan sifat-sifat yang terpuji menepati maknanya yang sebenar meskipun tidak semua sifat dapat dicapai untuk berada pada maqam tertinggi dan sempurna. Nilai *al-amanah* dan juga *al-mas`uliyah* merujuk kepada sesuatu yang diberi atau diamanahkan kepada seseorang yang untuk

dilaksanakan atau dijaga dengan baik dan ia akan dipertanggungjawabkan dan dihukum jika terdapat kesalahan seperti khianat.

Manakala, nilai *al-kamal* merujuk kepada kesempurnaan akhlak yang mulia seseorang itu bergantung kepada empat rukun iaitu *quwwat al-ilm*, *quwwat al-ghadab*, *quwwat al-shahwah* dan *quwwat al-`adl*. Kesempurnaan manusia dapat dicapai apabila manusia berjaya berada pada darjat *al-mala'ikah* dan menjauhi darjat *al-baha'im*. *Al-Kamal* tersebut merupakan kesempurnaan sebenar di sisi Allah S.W.T yang faedahnyanya kekal abadi hingga hari akhirat. Mereka memiliki ilmu mengenai *Dhat*, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatannya, berjaya memerdekakan dirinya daripada dibelenggu hawa nafsu dan keinginan duniawi, dan berpendirian teguh tidak berubah untuk dipengaruhi agar mengikuti dorongan dan mematuhi kehendak nafsunya. Sebaliknya, kesempurnaan yang tidak hakiki hanya mementingkan dunia seperti harta dan kedudukan yang sementara semata-mata.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Mohd. Zain et al., (2006). "Isu-isu Tamadun Islam" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Dawud, Sulayman ibn Ash`ath al-Sajistani al-Azdi. (2000). "Sunan Abi Dawud" dalam Salih ibn `Abd al-`Aziz ibn Muhammad ibn Ibrahim `Ali Sheikh (Ed.). *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi`.
- Ba`albaki, Munir. (1991). *al-Mawrid Qamus Inklizi-`Arabi*. Beirut: Dar al-`Ilm li al-Malayin.
- al-Baydawi, `Abdullah ibn `Umar. (2009). *Sharh Asma' Allah al-Husna*. tahqiq Khalid al-Jundi. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma`il. (2000). "Sahih al-Bukhari" dalam Salih ibn `Abd al-`Aziz ibn Muhammad ibn Ibrahim `Ali Sheikh (Ed.). *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi`.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1999). *Ihya' `Ulum al-Din*. j. 3, 4. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- _____. (t.t.). *Ihya' `Ulum al-Din*. juz. 4. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- _____. (2008). "Bidayah al-Hidayah" dalam Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat (Ed.). *Majmu`ah al-Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Fikr.
- _____. (1990). *Mukashafah al-Qulub*. al-Haram: Matba`ah al-Irshad.
- _____. (2008). *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna*. tahqiq Abu Sahl dan Najah `Iwad Siyam. Kaherah: Dar al-Muqtim li al-Nashr wa al-Tawzi`.

- _____ (2008). "Kimiya' al-Sa'adah" dalam Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat (Ed.). Majmu'ah al-Rasa'il al-Imam al-Ghazali. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Hakim, Abu 'Abd Allah al-Naysaburi. (1997). al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- Ibn Abi al-Dunya. (t.t.). Makarim al-Akhlaq. tahqiq Majdi al-Sayyid Ibrahim. Kaherah: Maktabah al-Qur'an.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali. (2001). Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari. tahqiq 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamd. juz 13. Riyadh: Maktabat al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il. (2000). Tafsir al-Qur'an al-'Azim. tahqiq Mustafa al-Sayyid Muhammad et al., j. 8. Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Jamil Saliba. (1982). al-Mu'jam al-Falsafi. j. 2. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- al-Jurjani, 'Ali ibn Muhammad. (1985). Kitab al-Ta'rifat. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Kashani, 'Abd al-Raziq. (2007). Mu'jam Istilahat al-Sufiyyah. tahqiq 'Abd al-Khaliq Mahmud. c. 3. Kaherah: Maktabah al-Adab.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan. (2002). c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamduh al-Zubi. (2004). Mu'jam al-Sufiyyah. Kaherah: Dar al-Jil.
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari. (2001). al-Asma' al-Husna dan Modal Insan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nasir Omar. (1986). Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron. (2011). Good Governance Adab-Oriented Tadbir in Islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2005). al-Mu'jam al-Wasit. Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn ibn al-Hajjaj. (2000). "Sahih Muslim" dalam Salih ibn 'Abd al-'Aziz ibn Muhammad ibn Ibrahim 'Ali Sheikh (Ed.). Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. c. 3. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

- al-Qushayri, Abu al-Qasim. (1989). al-Risalah al-Qushayriyyah. tahqiq `Abd al-Halim Mahmud. Kaherah: Matabi` Muassasah Dar al-Sha`b.
- Rafiq al-`Ajam. (1999). Mawsu`ah al-Mustalahat al-Tasawwuf al-Islamiyy. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Razi, Fakhr al-Din. (1981). Tafsir al-Fakhr al-Din al-Mushtahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb. juz. 26. Beirut: Dar al-Fikr.
- Su`ad al-Hakim. (1981). al-Mu`jam al-Sufi. Beirut: Dandarrah li al-Tiba`ah wa al-Nashr.
- al-Sha`rawi, Muhammad Mutawalli. (2007). (Aqidah Seorang Mukmin) (trj. H. Zulfahmi Lubis). Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. (2003). al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma`thur. tahqiq `Abdullah ibn `Abd al-Muhsin al-Turki. juz. 9. Kaherah: Markaz Hijr li al-Buhuth wa al-Dirasat al-`Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- al-Tabari, Abu Ja`far Muhammad ibn Jarir. (2001). Tafsir al-Tabari Jami` al-Bayan `an Ta`wil Ayi al-Qur`an. tahqiq `Abdullah ibn `Abd al-Muhsin al-Turki. juz. 14. Kaherah: Markaz Hijr li al-Buhuth wa al-Dirasat al-`Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- al-Tirmidhi, Abu `Isa Muhammad. (2000). "Jami' al-Tirmidhi" dalam Salih ibn `Abd al-`Aziz ibn Muhammad ibn Ibrahim `Ali Sheikh (Ed.). Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. c. 3. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi`.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.